

TEKS UCAPAN

**YAB TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD
YASSIN
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Kabinet
Mengenai Pembangunan Modal Insan (JKMPMI)**

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN SKILLSMALAYSIA 2011

**AUDITORIUM CEMPAKA SARI
BANGUNAN PERBADANAN PUTRAJAYA, PUTRAJAYA**

**5 Mei 2011
10.15 PAGI**

Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri,

Yang Berbahagia Dato' Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua
Jabatan,

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-Tuan, Puan-Puan,

Seterusnya Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,

salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis bersejarah yang **menandakan permulaan transformasi kemahiran** selaras dengan agenda yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), iaitu Mengarusperdana Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT).

2. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia yang telah menyahut cabaran melaksanakan **penjenamaan SkillsMalaysia sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 11 Januari 2011** sebagai salah satu daripada 19 projek permulaan (EPP) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

SkillsMalaysia – Jenama Baru Kemahiran

3. SkillsMalaysia merupakan penjenamaan baru yang menjadi simbol transformasi latihan kemahiran bagi melambangkan jangkauan kemahiran ke aras paling cemerlang hasil daripada kesatuan aspirasi rakyat Malaysia dan keperluan pembangunan negara.

4. Sebagai salah satu projek permulaan di bawah Program Transformasi Ekonomi, SkillsMalaysia bertujuan meningkatkan kesedaran dan membuka peluang kepada pelajar lepasan SPM supaya memilih latihan kemahiran sebagai pilihan utama dalam penentuan kerjaya. Sehubungan ini, para pelajar, ibubapa dan masyarakat amnya perlu didedahkan dan dididik terhadap kepentingan kemahiran serta peluang laluan kerjaya yang berpotensi tinggi. Bagi mencapai objektif ini pelbagai

perancangan telah dibuat sepanjang tahun 2011, antaranya mengadakan kempen dan *roadshows* di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

5. Aktiviti SkillsMalaysia juga akan meliputi pengendalian pertandingan kemahiran di peringkat nasional dan antarabangsa. Untuk tahun ini, peringkat akhir Pertandingan Kemahiran Malaysia bagi kategori belia dan Pertandingan Myskills bagi tenaga pengajar akan diadakan dalam bulan Julai 2011. Disamping itu negara juga sedang membuat persiapan untuk menyertai Pertandingan Kemahiran Sedunia (Worlds Skills Competition) 2011 di London dalam bulan Oktober 2011. Pertandingan kemahiran memupuk usaha bagi menarik minat para belia negara agar lebih berkeyakinan dan menghargai bidang kemahiran.

Pelan Transformasi Kerajaan – Meluaskan Akses kepada Pendidikan dan Latihan Berkualiti

6. Dalam bidang pendidikan dan latihan, komitmen kerajaan adalah untuk memastikan setiap warga Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan juga latar belakang dapat menikmati peluang yang berkualiti dan berkemampuan. Matlamat kita adalah untuk menjadikan sistem pendidikan dan latihan sebagai landasan untuk melahirkan modal insan yang

kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi. Dalam Model Baru Ekonomi (MBE) yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kejayaan untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baru bagi menjana kekayaan negara merupakan faktor yang kritikal, yang akan menentukan daya saing dan kemakmuran masa depan negara.

7. Dalam konteks ini, pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) mempunyai peranan yang amat penting. TEVT harus dilihat sebagai menyediakan laluan utama ke arah untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan seterusnya menjadi penyumbang utama kepada ekonomi berpendapatan tinggi negara. Oleh itu, peningkatan kualiti pendidikan dan latihan yang berteraskan kemahiran mesti diperkasa dan dijadikan agenda utama dalam memenuhi keperluan modal insan negara.

Menambahbaik Persepsi Terhadap TEVT dan Menarik Minat Lebih Ramai Pelajar

8. Penekanan akan diberi untuk meningkatkan nilai dan daya tarikan TEVT kepada pelajar, penyedia latihan dan industri. Dalam tempoh RMKe-10, kempen media di peringkat nasional akan dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan

kesedaran dan menambah baik persepsi terhadap TEVT. Kumpulan sasar utama adalah pelajar yang berpotensi dan ibu bapa mereka. Kempen akan memberi penekanan terhadap manfaat memasuki pasaran pekerjaan dengan kelayakan TEVT, termasuk gaji permulaan, jenis pekerjaan dan laluan kerjaya serta pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk lebih banyak jawatan dalam sektor awam.

9. Kaunselor di sekolah-sekolah menengah akan turut diberi tanggungjawab untuk membimbing pelajar agar lebih ramai pelajar memilih aliran TEVT.

Membangunkan Tenaga Pengajar TEVT Yang Lebih Efektif

10. Laluan kemajuan kerjaya tenaga pengajar TEVT akan diperkembangkan untuk menjadikannya sebagai kerjaya pilihan yang menarik kepada mereka yang berprestasi tinggi.

11. Personel industri yang berpengalaman tinggi dan mempunyai kemahiran praktikal di tempat kerja akan digalakkan menjadi tenaga pengajar di institusi TEVT. Untuk memudahkan pengambilan ini, laluan kemasukan ke profesion tenaga pengajar vokasional yang fleksibel akan diwujudkan, dan syarat yang menyukarkan kemasukan mereka akan dikaji semula.

Langkah ini akan meningkatkan kapasiti latihan dan membantu untuk memastikan tenaga pengajar mempunyai pengalaman industri.

12. Bagi memperkukuhkan penyampaian latihan yang lebih inovatif dan meningkatkan pengambilan tenaga pengajar, kapasiti Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) akan dipertingkatkan dengan menggunakan metodologi dan pendekatan latihan yang baru. Sebuah CIAST baru akan dibangunkan di bawah RMK-10 bagi menambah kapasiti latihan tenaga pengajar dengan mensasarkan pengeluaran seramai 13,200 orang pengajar menjelang 2020.

Mempertingkat dan Mengharmonikan Kualiti Kurikulum TEVT Selaras dengan Keperluan Industri

13. Jabatan Pembangunan Kemahiran akan memastikan kurikulum yang digunakan di pusat-pusat latihan kemahiran memenuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard -NOSS*) dan selaras dengan bidang ekonomi yang diberi keutamaan.

14. Manakala untuk penyeragaman dan pengiktirafan persijilan TEVT, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) akan diguna pakai sebagai persijilan tunggal kebangsaan bagi TEVT.

Melalui program pelaksanaan persijilan tunggal kebangsaan ini, kualiti latihan dapat dipertingkatkan dan kaedah penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Memperkemas Penyampaian TEVT

15. Kerajaan telah melancarkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi melahirkan pekerja berpengetahuan (k-workers). SLDN adalah merupakan program latihan yang dijalankan di dua tempat latihan iaitu 70% latihan di tempat kerja sebenar di industri dan 30% di pusat latihan. Dengan pendekatan ini, pelajar atau perantis akan dapat menjalani latihan dengan lebih berkesan kerana menjalani latihan melibatkan teknologi terkini. Saya menyeru agar syarikat-syarikat akan lebih aktif melaksanakan SLDN agar melahirkan tenaga mahir yang mencukupi dan terampil bagi keperluan industri Negara. Pada tahun 2006 sehingga 2010 seramai 25,021 perantis telah dilatih melibatkan 1028 syarikat dalam pelaksanaan SLDN. Kita mensasarkan seramai 27,500 perantis akan dilatih dengan melibatkan 967 syarikat bagi tempoh 2011 - 2015.

Peningkatan ke Tahap Lebih Tinggi

16. Kerajaan sedang menyediakan peluang yang lebih luas kepada lepasan latihan kemahiran dengan memberi laluan

peningkatan kemahiran tahap lebih tinggi setara dengan kelayakan ijazah, bahkan jika boleh ke peringkat Sarjana dan PhD. Melalui peluang peningkatan ini, tenaga mahir berpengetahuan dapat dilahirkan selaras dengan perubahan teknologi. Amalan baik dari negara maju seperti Australia dan Jepun ini dijadikan sebagai rujukan oleh Malaysia dalam merancang peluang latihan ke tahap yang lebih tinggi.

Mengarusperdana Latihan Kemahiran

17. Tag line “Mengarusperdana Latihan Kemahiran” ini mempunyai makna yang sangat besar kepada masa depan negara. Ia bukan sahaja satu langkah yang digunakan dalam Kempen SkillsMalaysia dalam meningkatkan kualiti latihan di negara ini, tetapi juga bakal mengubah persepsi negatif terhadap pendidikan berteraskan kemahiran. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) selepas ini diharapkan bukan lagi menjadi aliran pilihan kedua ataupun terakhir bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik sahaja tetapi akan menjadi aliran pilihan utama pelajar-pelajar terbaik di negara kita seperti yang berlaku di negara-negara maju. Dengan perubahan persepsi ini, saya berharap lebih ramai tenaga muda yang berpotensi menceburi bidang latihan berteraskan kemahiran tinggi dan sekaligus meningkatkan kebolehkeraan (employability) mereka di samping daya saing

negara dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompetitif ini. Inilah sumbangan utama transformasi kemahiran yang akan dijayakan oleh seluruh rakyat di negara ini.

Penutup

18. Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada YB Menteri Sumber Manusia Datuk Dr. S. Subramaniam, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia selaku pengerusi Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia dan seluruh warga pelbagai kementerian dan agensi atas usaha untuk menjayakan Majlis Pelancaran Kempen SkillsMalaysia 2011 ini. Kepada seluruh warga Malaysia, saya mengucapkan Selamat Maju Jaya, tingkatkanlah usaha dan bekerjalah dalam satu pasukan untuk meningkatkan kecemerlangan TEVT melalui jenama SkillsMalaysia demi masa depan negara. Jadikanlah usaha ini sebagai agenda penting pembangunan modal insan negara yang kita cintai.

19. Dengan lafaz ***Bismillah-ir Rahman-ir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Kempen SkillsMalaysia 2011.

**Wabillahi al-Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

Sekian, terima kasih.